

MLS 13



MISI PENCARIAN MENERUSI KAEDAH BATIMETRIK

Sistem sonar pengesan dalam air Pro Synthetic Aperture Sonar (ProSAS) melalui kaedah penundaan



LIPUTAN PENCARIAN DASAR LAUT

	Jumlah km	Zon pencarian (km)	% selesai
Pencarian bawah laut zon 1 GO Phoenix	4,032.82 km	6,452.51	44.95%
Pencarian bawah laut zon 2 FUGRO	6,458.61 km	12,170.75	30.25%
JUMLAH	10,491.13 km	18,623.26	31.04%



Kapal misi pencarian

GO PHOENIX

- Milik konsortium antarabangsa Deftech-Phoenix berlepas pada 14 Ogos 2014
- 30 hari pencarian (20+4+2+4)
- Carian pertama-Kenderaan sonar ditunda Pro Synthetic Aperture Sonar (ProSAS) melengkapkan carian

- keempat pada 6 Oktober 2014.
- Keupayaan untuk melakukan pencarian maksimum meliputi 140 kilometer persegi sehari.
- Kini berada di kawasan carian UW pertama ke Fremantle dan dijangka tiba di pelabuhan pada 3 Februari 2015.

FUGRO DISCOVERY

- Milik Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) dan Fugro berlepas pada 6 Ogos 2014 selama setahun.
- Kontrak berakhir pada 6 Ogos 2015 dan dijangka ambil masa 42 hari pencarian (29+6+1+6).

- Melaksanakan pencarian laut dalam pada 8 Oktober 2014 (sedang dalam fasa carian ketiga).
- Keupayaan untuk melakukan pencarian laut dalam maksimum meliputi 120 kilometer persegi sehari.
- Kini berada di kawasan carian UW kedua sehingga 12 Februari depan dan akan tiba di pelabuhan 18 Februari depan.

FUGRO EQUATOR

- Milik Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB) dan Fugro berlepas pada 6 Ogos 2014 selama setahun.
- Kontrak berakhir pada 6 Ogos 2015 dan dijangka ambil masa 42 hari pencarian (29+6+1+6)

- Melaksanakan pencarian fasa pertama membabitkan pencarian kedalaman lautan atau topografi pada 15 Januari 2015.
- Kini berada di kawasan carian UW kedua sehingga 11 Februari depan dan akan tiba di pelabuhan 17 Februari depan.





Tak pasti tapi yakin

■ Misi cari pesawat MH370 dibuat di dasar laut bakal disempurna Mei ini

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my
Putrajaya

Malaysia yakin misi pencarian pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang kini dibuat di dasar laut membabitkan keluasan sehingga 60,000 kilometer (km) dapat disempurnakan sehingga Mei ini.

Penolong Pengarah Sektor Operasi Penerbangan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Kapten Mior Nor

Badrishah Mohamad berkata, keyakinan itu ekoran keadaan cuaca di lokasi pencarian pada masa ini.

"Kami tidak pasti sama ada kami mampu mengesan kedudukan pesawat, tetapi kami yakin 100 peratus dapat menyempurnakan pencarian dengan keluasan sehingga 60,000 km," katanya pada sidang media

taklimat teknikal berhubung pencarian MH370, di sini, semalam.

Taklimat teknikal diadakan bersama media itu berlangsung kira-kira 30 minit.

Mior Nor Badrishah berkata, bagaimanapun, keadaan cuaca pada Mei diramalkan memberi cabaran kepada pasukan pencarian disebabkan om-

“ Kami yakin 100 peratus dapat menyempurnakan pencarian dengan keluasan sehingga 60,000 km ”

Mior Nor Badrishah

bak laut boleh mencecah ketinggian 12 hingga 15 meter.

Ditanya sekiranya pesawat MH370 masih tidak dijumpai selepas pencarian itu, Mior Nor Badrishah berkata, semua pihak dalam misi pencarian akan duduk bersama serta berbincang mengenai perancangan seterusnya.

"Jika pencarian ini masih tidak dapat menjumpai pesawat berkenaan, semua pihak yang terbabit termasuk pakar akan duduk berbincang bersama serta melihat

kembali data didapati dan membuat perancangan seterusnya.

"Tidak ada tempoh masa ditetapkan, tetapi kita yakin pencarian adalah dibuat di kawasan yang betul," katanya.

Pada 8 Mac tahun lalu, pesawat MH370 hilang daripada radar ketika terbang dari Kuala Lumpur ke Beijing satu jam selepas berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ia dijadualkan tiba di Beijing, China pada 6.30 pagi hari yang sama.